

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Segera temu duga pegawai perubatan selesai latihan

Inisiatif bantu individu tentukan laluan kerjaya, elak berhijrah ke luar negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Suzalina Halid
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Kementerian Kesihatan (KKM) disarap menjalankan temu duga kepada pegawai perubatan yang solehas menjalani latihan pegawai perubatan siswazah bagi membantu mereka menentukan laluan kerjaya dan terus berkhidmat dalam negara.

Ia antara langkah boleh dilaksanakan kerajaan supaya golongan itu dapat melihat masa depan kerjaya di Malaysia dan tidak berhijrah ke luar negara.

Prof Naib Canselor Akademik dan Profesor Pediatrik di Fakulti Perubatan dan Kesihatan Universiti Perubatan Antarabangsa (UM), Prof Dr Zabidi Hussin, berkata ketika ini, tiada sistem temu duga yang dijalankan kepada pegawai perubatan selepas

tamat latihan wajib tiga tahun bagi menentukan minat mereka, sama ada mahu menyambung pengajian dalam bidang kepakaran atau bidang lain, terutama jika tidak berjaya mendapat lantikan tetap atau kontrak.

"JPA perlu melihat semula isu ini. Selepas tamat latihan (housemanship), pegawai perubatan ini perlu ditemu duga bagi mengetahui laluan kerjaya dan perancangan masa depan mereka.

"Jika ada yang tidak mahu menyambung pengajian dalam kepakaran, berikan mereka kebebasan. Mungkin ada yang berminat dalam perniagaan, maka mereka boleh menyambung pengajian dalam bidang itu kerana dengan kelayakan yang diiktiraf Majlis Perubatan Malaysia (MMC), mereka boleh memegang jawatan pentadbiran dalam bidang perubatan," katanya kepada BH.

Beliau mengulas isu penghijrahhan doktor tempatan, termasuk pakar ke luar negara yang berlaku sejak sekian lama.

Graduan terbaik berhijrah.
 Baru-baru ini, bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaysia (UM), Prof Datuk Dr Aideebah Kamarulzaman, mendedahkan Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari universiti

30 doktor UM pilih bekerja luar negara setiap tahun

Laporan BH Jumaat lalu.

itu setiap tahun, selepas mereka memilih untuk berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebaik menamatkan pengajian.

Mengulas lanjut, Dr Zabidi yang juga anggota Pasukan Pegutus Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCTF) turut meminta kerajaan menyambung pelantikan kontrak lebih ramai pegawai perubatan yang tamat latihan, bukan 10,000 orang seperti ditumunkan pada Bajet 2022.

"Jumlah 10,000 orang ini tidak banyak kerana kita mengeluarkan ribuan graduan perubatan setiap tahun. Apabila mendengar perkata ini, mereka terus berfikir berhijrah ke luar negara seperti Singapura, Australia, Brunei dan United Kingdom (UK).

"Sekarang mereka menunggu masa. Jika tidak mendapat lantikan tetap, mereka akan keluar dan ini adalah brain drain yang sangat besar," katanya.

Mengenal penghijrahhan doktor

tempatan ke Singapura, Dr Zabidi mengakui, selain tawaran gaji yang lebih baik iaitu kira-kira \$84,000 (RM13,000) bagi pegawai perubatan yang berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun, negara itu juga menawarkan program lepasan graduan kepada pegawai perubatan asing yang berkhidmat di sana.

"Di Malaysia, tempat untuk menyambung pengajian dalam bidang kepakaran terhad iaitu kurang 1,000 tempat setahun.

"Kini, kita mempunyai kurang 13,000 pakar perubatan dan perkara ini perlu diberi perhatian kerana kita memerlukan 28,000 pakar menjelang 2030," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNC) Universiti Awam (UA), Prof Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkaat graduan perubatan tempatan membina kerjaya di negara luar boleh dilihat secara positif, terutama kualiti mereka hingga diterima pihak luar.

"Ia menunjukkan Malaysia melahirkan graduan perubatan setanding dengan dunia hinggakan Singapura berminat mengambil mereka dan mereka hanya mengambil yang terbaik," katanya.

Dr Mohd Hamdi percaya doktor dan pegawai perubatan yang berkhidmat di luar negara akhirnya akan pulang ke Malaysia dengan membawa keperakaran.

Dasar lebih menyeluruh tangani penghijrahhan belia mahir

Sepang: Penghijrahhan tenaga mahir ke luar negara terutama dalam kalangan belia, perlu dilihat secara menyeluruh terutama dari segi permasalahan ekonomi dihadapi.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim, berkata langkah atau dasar sedia ada kerajaan belum tentu dapat menyelesaikan masalah penghijrahhan pakar itu.

"Brain drain ini bukan semata-mata bergantung kepada langkah diambil kementerian kerana antara faktornya ialah soal gaji dan peluang pekerjaan.

"Jika kita laksanakan dasar yang diharap dapat menangani perkara ini, ia belum tentu dapat diselesaikan sepenuhnya sebab kita bercakap soal ekonomi yang mana ia bukan bergerak semata-mata atas kerangka kerajaan.

"Pada masa depan, mungkin Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dapat mengeluarkan dasar lebih menyeluruh seperti kata menteri yang mahu penumpuan diberi kepada isu belia mufis.

"Dalam erti kata lain, tumpuan kepada belia bukan setakat pembangunan kepemimpinan atau prestasi sukan, tapi juga harus beri lebih tumpuan kepada permasalahan ekonomi dihadapi mereka," katanya selepas program menghantar pasukan e-Sports Profesional Malaysia ke Kejuaraan Dunia Mobile Legends Bang Bang (MLBB) M4, Jakarta, Indonesia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Adam Adli berkata, bermula tahun depan, KBS akan lebih menyentuh mengenai dasar terutama permasalahan pembangunan belia.

"Saya yakin soal brain drain dalam kalangan belia akan di perincikan mulai tahun depan kerana ketika ini kita masih dalam proses mendapat dan mengumpul input pihak berkaitan," katanya.

Baru-baru ini, bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaysia (UM), Prof Datuk Dr Aideebah Kamarulzaman, mendedahkan Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari universiti itu setiap tahun yang memilih untuk berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebaik menamatkan pengajian.

"Masalah ini turut dihadapi di negara lain. International Federation of Emergency Medicine (IFEM) melalui kenyataan menyebut, berdasarkan tinjauan ke atas 41 negara anggota IFEM pada November 2022, 100 peratus daripada negara anggota melaporkan fenomena itu di Jabatan Kecemasan mereka," katanya.

KKM rangka pelan atasi beban tugas

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang melihat semua data terkini, melaksana audit dan penyelidikan berkaitan bebanan tugas serta isu kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara, khususnya di hospital pakar.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata KKM sudah mulai merangka pelan dan perancangan bagi menyelesaikan isu kesesakan di jabatan terabit serta memastikan kekal memberikan perkhidmatan yang cekap.

Belian berkata, kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dipandang serius KKM dan mungkin kembali selepas situasi COVID-19 dilihat kian reda yang mana pesakit bukan kes COVID-19 juga memenuhi hospital awam.

"Saya memahami situasi yang berlaku ketika ini yang sememangnya menyukarkan pesakit dan warga KKM sendiri. Usaha untuk mengatasi isu ini perlulah membabitkan pelbagai pihak dan pemegang taruh."

"Contohnya, bagi mengetahui

KKM akan melihat kepada potensi kerjasama strategik bersama sektor swasta termasuk Pengamal Perubatan Am (GP) bagi memperkasakan lagi penjagaan kesihatan primer

Dr Zaliha Mustafa,
 Menteri Kesihatan



masalah dan keperluan khusus mengikut negeri, KKM akan lakukan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan antara pihak jabatan kecemasan sendiri, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) dan sektor swasta.

"Selain itu, KKM juga akan melihat kepada potensi kerjasama strategik bersama sektor swasta termasuk Pengamal Perubatan Am (GP) bagi memperkasakan lagi penjagaan kesihatan pri-

mer," katanya, semalam.

Usaha tangani pelbagai isu

Dr Zaliha berkata, KKM secara konsisten berusaha mengatasi masalah ini dengan mengadakan perbincangan dan memohon keperluan dana serta kakitangan tambahan daripada agensi pusat bagi mengatasi isu peruntukan, kekurangan kakitangan, peralatan dan infrastruktur.

Beliau berkata, pada masa sama, pelbagai inisiatif dilaksanakan KKM bagi meningkatkan ke-

cekanan pengendalian pesakit.

Katanya, situasi kesesakan ini juga sudah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 yang disiar pada 24 Jun 2019 yang menyebut, punca yang diketahui pasti menyumbang kepada kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah daripada peruntukan yang diberi tidak mencukupi, anggota kesihatan yang kurang dan kekurangan fasiliti bagi menampung keperluan perkhidmatan kepada pesakit.

"Situasi ini bukan sahaja dihadapi di Jabatan Kecemasan dan Trauma, tetapi ia turut berlaku di Klinik Pesakit Luar, Wad Pesakit Dalam dan juga di Klinik Kesihatan."

"Masalah ini turut dihadapi di negara lain. International Federation of Emergency Medicine (IFEM) melalui kenyataan menyebut, berdasarkan tinjauan ke atas 41 negara anggota IFEM pada November 2022, 100 peratus daripada negara anggota melaporkan fenomena itu di Jabatan Kecemasan mereka," katanya.

Dalam reaksi mengenai pendedahan itu, Ketua Penggarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kerajaan mestinya berusaha menambah baik sistem sedia ada dan mengurangkan kesan penghijrahhan tenaga mahir tempatan ke luar negara.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Ampang Jaya

Sebuah restoran di Pandan Indah di sini akan dikenakan tindakan pembatalan lesen serta-merta susulan video tular di media sosial sejak Jumaat lalu memaparkan tikus menjamah ayam goreng di premis berkenaan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Mohd Fauzi Mohd Yatin berkata, Notis Pengesahan Pembatalan Lesen (NPPL) yang berkuat kuasa (NPPL) yang berkuat kuasa ke atas premis itu.

Katanya, ia selaras dengan tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Selangor yang sudah menge-

TIKUS MAKAN AYAM GORENG

Batal lesen serta-merta

luarkan Notis Perintah Tutup ke atas premis berkenaan, kelmarin.

"Tindakan sitaan atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen juga akan dijalankan sekiranya premis masih beroperasi selepas NPPL dikeluarkan."

"Permohonan lesen baru hanya akan dipertimbangkan sekiranya semua syarat terutamanya berkaitan kebersihan dipatuhi sepenuhnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Fauzi berkata, MPAJ mengambil berat mengenai

isu ini dan tindakan akan diambil ke atas mana-mana premis makanan yang mengambil mudah berkaitan aspek kebersihan.

"Orang ramai juga boleh melaporkan aduan berkenaan kebersihan premis di kawasan MPAJ melalui <http://aduan.mpaj.gov.my>."

Kelmarin, KKM dalam kenyataan memaklumkan tindakan penutupan dibawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan arahan penutupan selama 14 hari dikeluarkan terhadap premis berkenaan.

Ia susulan pemeriksaan dilakukan pasukan penguat kuasa kesihatan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor serta Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat melakukan pemeriksaan di premis itu pada Sabtu lalu.

Enam notis kompaun tutup dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 kerana gagal dalam beberapa aspek kawalan penyediaan makanan yang bersih dan selamat.



RAKAMAN video tular di media sosial menunjukkan seekor tikus memakan ayam goreng di sebuah restoran di Pandan Indah, Ampang Jaya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : LOKAL

JPA, KKM disaran temu duga pegawai perubatan selepas 'housemanship'

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kesihatan (KKM) disaran menjalankan temu duga kepada pegawai perubatan yang selesai menjalani latihan pegawai perubatan siswazah (*housemanship*) bagi membantu mereka menentukan laluan kerjaya dan terus berkhidmat dalam negara.

Ia antara langkah yang boleh dilaksanakan kerajaan supaya golongan itu dapat melihat masa depan kerjaya mereka di Malaysia dan tidak berhijrah ke luar negara.

Pro Naib Canselor Akademik dan Profesor Pediatrik di Fakulti Perubatan dan Kehsilatan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) Prof Dr Zabidi Hussin berkata, ketika ini, tiada sistem temu duga yang dijalankan kepada pegawai perubatan selepas tamat *housemanship* selama tiga tahun bagi menentukan minat mereka, sama ada malu menyambung pengajian dalam bidang kepakaran atau bidang lain, te-



JPA perlu melihat semula isu ini. Selepas tamat saja *housemanship*, pegawai perubatan ini perlu ditemu duga bagi mengetahui apa laluan kerjaya pilihan dan perancangan masa depan mereka"

Prof Dr Zabidi

rutama jika tidak berjaya mendapat lantikan tetap atau kontrak.

"JPA perlu melihat semula isu ini. Selepas tamat saja *housemanship*, pegawai perubatan ini perlu ditemu duga bagi mengetahui apa laluan kerjaya pilihan dan perancangan masa depan mereka.

"Jika ada yang tidak mahu menyambung pengajian dalam kepakaran, berikan mereka kebebasan. Mungkin

ada yang berminat dalam perniagaan, maka mereka boleh menyambung pengajian dalam bidang itu kerana dengan kelayakan yang diketahui Majlis Perubatan Malaysia (MMC), mereka boleh memegang jawatan pentadbiran dalam bidang perubatan.

"Sediakan tajaan atau pinjaman mudah kepada mereka kerana ini adalah salah satu cara kerajaan dapat mencipta laluan kerjaya untuk pegawai perubatan ini supaya mereka tidak putus asa dan memberi galakan untuk terus berkhidmat dalam negara," katanya.

Beliau mengulas isu penghijrahannya doktor tempatan, termasuk pakar ke luar negara yang berlaku sejak sebelum lama.

Baru-baru ini, bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Adeeba Kamaruzzaman, mendedahkan Malaysia kehilangan sekurang-kurangnya 30 graduan perubatan terbaik dari universiti itu setiap tahun, se-

lepas mereka memilih untuk berkhidmat di luar negara, terutama Singapura sebagai menamatkan pengajian.

Mengulas lanjut, Dr Zabidi yang juga anggota Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCTF) turut meminta kerajaan menyambung pelantikan secara kontрак kepada lebih ramai pegawai perubatan yang tamat *housemanship*, bukan hanya kira-kira 10,000 orang saja seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022.

"Jumlah 10,000 orang ini tidak banyak kerana kita mengeluarkan ribuan graduan perubatan setiap tahun. Apabila mereka mendengar perkara ini, mereka terus berfikir untuk berhijrah ke luar negara seperti Singapura, Australia, Brunei dan United Kingdom (UK).

"Jadi, sekarang ini, mereka menunggu masa saja. Jika tidak mendapat lantikan tetap, mereka akan keluar dan ini adalah *brain drain* yang sangat besar," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 39
RUANGAN : WM

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Zaman kanak-kanak adalah sesuatu yang menyerokkan tanpa mengira keadaan manapun latar belakang.

Ini antara pengalaman manis 200 pesakit di Hospital Tuanku Azizah Kuala Lumpur (HTA) yang dahulunya dikenali sebagai Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur apabila dirakam dalam satu majlis bermakna sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia baru-baru ini.

Inisiatif murni The World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) dan Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (RMHC Malaysia) bersama pihak HTA yang menceriakan pesakit kanak-kanak menerusi pemberian hadiah. Ia termasuklah permainan, sumbangan makanan dan kehadiran bersama maskot McDonald's Hamburglar dilihat setidaknya dapat memberi dorongan positif untuk kanak-kanak terus bersemangat menjalani rawatan masing-masing.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan WTCKL Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, penyertaan pihaknya dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbabit bertujuan memupuk rasa kasih sayang, sikap kebertanggungjawaban dan prihatin dalam kalangan masyarakat.

"Mesej penting dalam program CSR kali ini adalah tiada seorang kanak-kanak pun terkecuali untuk diraiakan atau dihargai terutama kumpulan pesakit kanak-kanak. Kami tunjukkan dengan komitmen iaitu menyantuni golongan terbabit bersama penjaga mereka sebagai tanda rasa kasih, prihatin dan tanggungjawab sebagai salah satu entiti

RMHC BERI KECERIAAN

Seramai 200 pesakit HTA Kuala Lumpur diraikan sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia



KOLABORASI WTCKL, RMHC dan HTA memberi peluang kepada pesakit kanak-kanak menikmati keceriaan ketika Sambutan Hari Kanak-kanak sedunia baru-baru ini.



SUMBANGAN berupa permainan, makanan dan keperluan diaiaghikan kepada penghuni wad pediatrik HTA.



MENYANTUNI pesakit kanak-kanak dan keluarga antara pendekatan unik dalam inisiatif CSR WTCKL

masyarakat.

"Penghargaan juga diberikan kepada pihak RMHC Malaysia dan HTA kerana turut sama membantu pihak WTCKL mewujudkan aktiviti pemberian hadiah, maknaan dan keperluan khas untuk pesakit."

"Ia diharap menjadi contoh kepada masyarakat untuk terus membantu komuniti secara sukarela dan membina imej jenama WTCKL sebagai korporat yang dinamik, sensitif, dan penuh belas kasihan," katanya.

Beliau turut memuji barisan kumpulan HTA diketuai Pengarah Hospital, Dr Shamsul Anuar Kamarudin, atas kerja keras pasukan kesihatan itu memberi sokongan luar biasa dan bekerjasama dalam memastikan setiap keperluan kesihatan dan perubatan kanak-kanak dipenuhi secara berterusan sejak Covid-19 melanda.

Selain daripada sesi pemberian hadiah dan menyantuni kanak-kanak, perwakilan WTCKL turut berkesempatan melawat Rumah Ronald McDonald, yang terletak di HTA. Kemudahan ini mempunyai ruang istirahat dan ruang makan, bilik penginapan, surau, dapur, dan bilik dobi yang diurus dengan baik, bertimbang rasa untuk keselesaan keluarga pesakit B40.

Pengurus Rumah Ronald McDonald HTA, Wan Siti Fikriah Wan Ismail menghargai keperihatinan entiti korporat seperti WTCKL apabila menyertai pihaknya sebagai salah satu rakan strategik dalam program

CSR syarikat itu.

"RMHC amat berterima kasih atas segala usaha dan kesediaan WTCKL menyertai projek RMHC dalam sebahagian acara terutama projek CSR dijalankan di HTA. Kami berharap untuk lebih banyak program dan kerjasama pada masa depan yang mana memberi manfaat kepada masyarakat terutama keluarga B40 yang mempunyai anak yang menjalani rawatan di hospital," katanya.

Sementara itu Pengarah HTA Dr Shamsul Anuar Kamarudin menzahirkan penghargaan kepada WTCKL kerana memiliki HTA untuk kerjasama dalam agenda CSR mereka.

"Sumbangan yang kami terima kali ini pastinya meringankan beban dan memberi keceriaan kepada pesakit dan keluarga. Ini membuktikan aktiviti kesiaranwanan atau khidmat masyarakat di negara semakin berkembang dan mendapat sambutan ramai bukan sahaja dalam kalangan pertubuhan bulan kerajaan (NGO) tetapi juga menjadi perkara penting untuk pelbagai institusi di negara kita."

"Usaha murni ini adalah platform terbaik untuk meruntuhkan tembok dan merapatkan jurang antara badan kerajaan dan masyarakat," katanya.

Beliau menambah, inisiatif korporat seperti CSR adalah platform yang baik untuk berkongsi peranan dan berinteraksi dalam usaha memperkasaan masyarakat terutama golongan pesakit yang dikategorikan sebagai kelompok yang memerlukan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

MPAJ bertegas dengan sebuah premis makanan yang tidak menjaga kebersihan

Lesen restoran tikus jilat ayam dibatal

PETALING JAYA — Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengeluarkan Notis Pengesahan Pembatalan Lesen (NPPL) serta-merta kepada premis tular terdapat seekor tikus sedang menjamah ayam goreng sebelum ini.

Yang Dipertua MPAJ, Mohd. Fauzi Mohd. Yatin berkata, tindakan tersebut selaras dengan tindakan Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) yang telah mengeluarkan Notis Perintah Tutup pada Sabtu lalu.

Jelas beliau, tindakan sitaan atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen juga akan dijalankan sekitaranya premis masih beroperasi setelah NPPL dieluarkan.

"Permohonan lesen baru hanya akan dipertimbangkan sekiranya semua syarat terutamanya berkaian kebersihan dipatuhi sepenuhnya."

"Pemeriksaan kebersihan premis makanan dari segi kawasan penyajian dan penyediaan makanan serta kawalan serangga perosak di premis juga dijalankan secara berkala oleh MPAJ," katanya dalam satu kenyataan

semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Fauzi berkata, berdasarkan rekod pemeriksaan lalu, penarafan kebersihan premis tersebut adalah pada Gred B bagi Jun 2021 dan terbaru adalah pada Januari 2022.

Kata beliau, MPAJ sentiasa memantau kawalan kebersihan setiap premis makanan bagi memastikan syarat dan peraturan sentiasa dipatuhi.

"Sehingga 30 November lalu, sebanyak 1,057 buah premis makanan diperiksa dan 259 kompaun telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 9(f) Pengendalian Makanan MPAJ 2007 dan UUK 19(1) (d) Establisemen Makanan MPAJ 2007.

"MPAJ mengambil berat isu yang telah berlaku ini dan tindakan akan diambil ke atas mana-mana premis makanan yang mengambil mudah tentang aspek kebersihan," ujarnya.

Pada masa sama, Mohd. Fauzi menyeru orang melaporkan aduan salah laku soal kebersihan premis di kawasan MPAJ melalui laman web <http://aduan.mpaj.gov.my>.



TANGKAP layar video kelihatan seekor tikus yang masuk ke bahagian ayam goreng sebuah restoran di Ampang Jaya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Mula rangka pelan perancangan dalam usaha memberikan perkhidmatan efisien

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mula merangka pelan dan perancangan bagi menyelesaikan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma serta sektor lain di kementerian itu dalam usaha memberikan perkhidmatan efisien.

Menyatakan perkembangan ini, Dr Zaliha Mustafa berkata, kementerian juga sedang melihat semua data terkini, audit dan penyelidikan berkaitan bebanan tugas serta isu kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara khususnya di hospital pakar bagi membolehkan punca dan masalah terkini dihadapi jabatan berkenaan diidentifikasi.

"Usaha untuk mengetasai isu ini perlulah melibatkan pelbagai pihak dan pemangku taruh. Contohnya, bagi mengetahui masalah dan keperluan khusus mengikut negeri, KKM akan lakukan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan yang relevan antaranya Jabatan Kecemasan sendiri, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Hospital Swasta Malaysia



DR ZALIHA

(APHM) dan sektor swasta.

"Ini amat penting kerana pendekatan yang lebih holistik perlu diambil bagi menangani isu ini berdasarkan data dan maklumat yang lebih spesifik," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Jelas Dr Zaliha, KKM memandang serius masalah kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital-hospital yang kini kembali selepas situasi Covid-19 dilihat kian reda, dengan pasakit bukan sahaja melibatkan kes Covid-19.

Tambahnya, KKM secara konsisten berusaha mengatasi masalah kesesakan dengan mengadakan perbincangan dan memohon keperluan dana serta petugas tambahan bagi mengatasi masalah peruntukan, kekurangan petugas, peralatan dan infrastruktur.

"Dalam masa sama, pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan oleh KKM bagi meningkatkan kecekapan pengendalian pesakit," katanya.

Ujarnya, kesesakan di jabatan berkenaan telah dilaporkan menerusi Laporan Ketua Audit Negara pada 2018 yang disiaran pada 24 Jun 2019 menyatakan punca dikenal pasti me-



nyumbang kepada kesesakan di jabatan itu adalah deripada peruntukan tidak mencukupi, kekurangan anggota kesihatan dan fasiliti bagi menampung keperluan perkhidmatan kepada para pesakit.

Situasi berkenaan bukan sahaja dihadapi di Jabatan Kecemasan dan Trauma tetapi turut berlaku di Klinik Pesakit Luar Wad Pesakit Dalam dan juga di Klinik Kejihatan.

Dr Zaliha berkata, mesalah itu juga berlaku di negara lain dan menurut International Federation of Emergency Medicine (IFEM) malah kenyataan (*position statement*), berdasarkan tinjauan ke atas 41 negara anggota IFEM pada November 2022, sebanyak 100 peratus daripada negara anggo-

ta telah melaporkan fenomena tersebut di jabatan kecemasan masing-masing.

Sementara itu, katanya, kementerian juga akan melihat kepada potensi kerjasama strategik bersama sektor swasta termasuk Pengaral Perubatan Am (GP) bagi memperkasakan lagi penjagaan kesihatan primer.

"Dengan kerjasama tersebut, ia dilihat mampu mengurangkan kehadiran pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Klinik Kejihatan. Suka juga untuk KKM ingatkan kepada semua pihak bahawa fungsi Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah untuk memberi rawatan kepada individu yang benar-benar memerlukan rawatan kecemasan."

"Justeru, KKM akan bekerjasama dengan agensi berkaitan

KKM sedang melihat semua data terkini, audit dan penyelidikan berkaitan bebanan tugas serta isu kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh negara.

untuk melipatgandakan lagi kewaspadaan kesedaran kepada masyarakat tentang fungsi sebenar Jabatan Kecemasan," ujarnya.

Tambahnya, segala pelan dan perancangan itu bukanlah untuk tindakan jangka pendek, sebaliknya perancangan jangka panjang seharusnya dengan perkara utama Kertas Putih KKM bertujuan untuk memperkasa dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan di negara ini.

"Saya secara peribadi mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang bertengku lumus memberikan perkhidmatan terbaik. KKM sentiasa peka dengan masalah yang berlaku dan kami akan terus mencari jalan demi kebaikan dan kesihatan mental warga KKM," katanya. - Bernama

Isu penghijrahan pakar perlu dilihat menyeluruh

SEPANG - Isu penghijrahan tenaga mahir atau *brain drain* khususnya dalam kalangan belia di negara ini perlu dilihat secara menyeluruh, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim.

Menurutnya, antara perkara utama perlu diteliti adalah berkaitan permasalahan ekonomi yang dihadapi golongan tersebut.

"Dalam soal ini, kita tidak berputusan kepada pembangunan belia dari segi kepimpinan atau prestasi sukan sahaja tetapi kita perlu ambil pendekatan untuk kenal pasti perkara berbangkit dalam soal ekonomi belia.

"Tidak semestinya fokus satu isu akan selesai 100 peratus tetapi kita mesti ada kaedah untuk selesaikan masalah ini," katanya pada sidang akbar selepas program menghantar pasukan e-sukan Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini pada Isnin.

Ujarnya, isu *brain drain* tidak hanya boleh ber-



ADAM ADLI

gantung kepada langkah yang diambil kerajaan sebaliknya perlu dikenal pasti punca terlebih dahulu.

"Kalau laksanakan dasar kelak, kita harap dapat selesaikan isu ini sepenuhnya," katanya.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilapor mencadangkan agar kerajaan terus berusaha menambah baik sistem sedia ada dan mengurangkan kesan penghijrahan tenaga mahir tempatan ke luar negara.

Adam Adli berkata, selaras hasrat dinyatakan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, isu belia adalah perkara utama yang akan diberi perhatian oleh kementerian itu dalam usaha mencari penyelesaian bagi setiap permasalahan dihadapi.

Jelasnya, Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan setiap inisiatif berdasarkan dapatan daripada kajian Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). - Bernama

KKM atasi kesesakan Jabatan Kecemasan dan Trauma

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 19
 RUANGAN : NASIONAL

Lesen 'restoran tikus' tular dibatalkan

Notis pembatalan tersebut dikeluarkan oleh MPAJ berkuat kuasa serta-merta

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
 KUALA LUMPUR

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengeluarkan Notis Pengesahan (NPPL) berkuat kuasa serta-merta ke atas premis makanan tular dengan kejadian seekor tikus menjamah ayam goreng dalam pemanas makanan.



Yang Dipertua MPAJ, Mohd Fauzi Mohd Yatim dalam satu kenyataan menegaskan, tindakan sitaan atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen juga akan dilakukan sekiranya premis masih beroperasi setelah NPPL dikeluarkan.

Menurut Mohd Fauzi, pihaknya hanya akan mempertimbangkan pemohonan lesen baharu jika semua syarat terutama berkaitan kebersihan dipatuhi sepenuhnya.

Katanya, NPPL yang berkuat kuasa serta-merta akan dikeluarkan ke atas premis makanan itu selaras dengan tindakan Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, yang telah mengeluarkan Notis Perintah Tutup pada 24 Disember lalu ke atas premis berkenaan.

"Pemeriksaan kebersihan premis makanan dari segi kawasan penyajian dan penyediaan makanan serta kawalan sebarang perosak

Laporan Sinar Harian pada 24 Disember 2022.



MPAJ membatalkan lesen premis makanan yang tular selepas seekor tikus dirakam menjamah ayam goreng di dalam pemanas makanan.

di premis juga dijalankan secara berkala oleh MPAJ.

"MPAJ mengambil berat itu yang telah berlaku ini dan tindakan akan diambil ke atas mana-mana premis makanan yang mengambil mudah tentang aspek kebersihan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Berdasarkan rekod pemeriksaan yang dijalankan sebelum ini, Mohd Fauzi berkata, pihak MPAJ mendapat perhatian kebersihan di premis terbabit adalah pada Gred B bagi Jun 2021 dan terbaharu pada Januari lalu.

Menurutnya, bagi memastikan tahap kebersihan di premis

makanan sentiasa terjamin MPAJ sentiasa melakukan pemantauan kawalan kebersihan bagi memastikan syarat dan peraturan ditetapkan pihaknya sentiasa dipatuhi.

"Sehingga 30 November lalu, sebanyak 1,057 premis makanan diperiksa dan 259 kompaun telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil (UKK) 9(f) Pengenal Makanan MPAJ 2007 dan UKK 19(1)(d) Establisymen Makanan MPAJ 2007.

"Orang ramai juga boleh melaporkan aduan berkenaan kebersihan premis di kawasan MPAJ melalui <http://aduan.mpj.gov.my>," katanya lagi.

Kes baharu Covid-19 turun 18.7 peratus

KUALA LUMPUR - Bilangan kes baharu Covid-19 pada Minggu Epidemiologi ke-51 (ME51/2022) atau 18 hingga 24 Disember lepas merekodkan penurunan 18.7 peratus dengan 5,894 kes berbanding 7,249 kes pada minggu sebelumnya (ME50/2022).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh itu, bilangan kes tempatan menunjukkan penurunan 18.7 peratus iaitu daripada 7,232 kes kepada 5,880 kes.

"Bilangan kes import juga menurun sebanyak 17.6 peratus iaitu 17 kes kepada 14 kes," katanya dalam kenyataan berhubung situasi semasa jangkitan Covid-19 pada Isnin.

Pada ME51/2022, bilangan kes kematian turut berkurangan sebanyak 34 peratus iaitu 31 kes pada minggu itu berbanding 47 kes, minggu sebelumnya.

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME51/2022 menurun sebanyak 13.7 peratus iaitu (16,895 kes kepada 14,580 kes)," katanya purata nilai kadar kebolehangkitan (RT) direkodkan pula ialah 0.84, pada minggu berkenaan.

Bilangan kes sembuh katanya, juga menunjukkan penurunan dengan 7,791 kes pada ME51/2022 berbanding 10,330 kes pada minggu sebelumnya.

Mengenai situasi bencana banjir, pada ME51/2022 enam kes positif Covid-19 dikesan dalam kalangan mangsa banjir. Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor kontrak bangkit 5 tuntutan

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
fadhlulah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Gerakan Hartal Doktor Kontrak sekali lagi membangkitkan lima tuntutan utama kepada Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa bagi menyelesaikan isu yang membenggu pegawai perubatan kontrak.

Lima tuntutan tersebut merangkumi perjawatan tetap dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kenaikan pangkat berdasarkan masa dan cuti tanpa gaji.

Selain itu, ia turut melibatkan pertambahan program kepakaran kepada doktor kontrak dan status Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, Zaliha bagaimanapun belum memutuskan tarikh perjumpaan bagi membincangkan tun-

Doktor kontrak jumpa menteri minggu depan

UMA INGIN FARMU
fadhululah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Gerakan Hartal Doktor Kontrak akan mengadakan tiga kali pertemuan dengan Dr Zaliha Mustafa dalam tempoh lima hari ini pagravit predikat kesehatan dan kedudukan perkhidmatan bersama kerajaan.



UTUSAN Malaysia
15 Disember 2022.

tutan itu.

Sehubungan itu, beliau berharap pertemuan tersebut dapat diadakan dalam masa terdekat terutama pada awal Januari kerana Ahli Parlimen Sekijang berkenaan sudah hampir sebulan mengangkat sumpah sebagai Menteri Kesihatan.

Dalam masa sama, kata beliau, pihaknya memahami jadual Menteri Kesihatan itu berke-

mungkinan padat terutama membabitkan tragedi runtuhannya di Jalan Batang Kali-Genting dan bencana banjir.

“Tarikh pertemuan tidak ada lagi, tetapi kita sudah hantar dokumen atau proposal perkara yang kita mahu bincangkan yang belum diselesaikan Menteri Kesihatan lepas.”

“Selain itu, Gerakan Hartal ada buat tinjauan berhubung

masalah dihadapi doktor kontrak dengan mengumpulkan kira-kira 500 responden. Itu pun kita masukkan sekali dalam dokumen terbitan.

“Dokumen itu kita sudah hantar pada Setiausaha Politik Menteri Kesihatan pada Selasa lalu dan beliau maklumkan sudah diserah pada menteri cuma menteri belum tentukan tarikh pertemuan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Muhammad Yassin, tuntutan tawaran perjawatan tetap dengan caruman KWSP menjadi antara isu yang belum diselesaikan kerana Kementerian Kesihatan sebelum ini memberitahu ia melibatkan pindaan akta pencen.

Beliau berkata, tuntutan itu relevan kerana permintaan tawaran tetap dilihat sukar dilaksanakan untuk semua kerana pembayaran pencen melibatkan kos tinggi.

“Jadi kita harap tawaran tetap dengan caruman KWSP pun

tiada masalah supaya kurang beban kepada kerajaan. Iu ini masih belum selesai sebab Menteri Kesihatan sebelum ini beritahu yang ia melibatkan (pindaan) akta pencen.

“Kita juga harap dapat teliti semula kenaikan pangkat *time-based* sebab doktor, tetapi selepas dua tahun menyelesaikan latihan klinikal naik gred UD44 dan selepas tiga tahun naik gred 48. Tetapi doktor kontrak tidak ada kenaikan pangkat yang mana hanya naik gred UD43 selepas tiga tahun.

“Jadi, banyak perbezaan sama ada gaji, eluan atau kemudahan walaupun doktor kontrak itu sudah berkhidmat dalam tempoh masa yang sama dengan doktor tetap.

“Selain itu, doktor kontrak tidak boleh ambil cuti tanpa gaji sedangkan doktor tetap boleh. Kadangkala ada kecemasan kita perlu ambil cuti tanpa gaji, jadi susahlah apabila tak boleh,” katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Ruined by a hungry rat

MPAJ revokes licence of restaurant

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

PETALING JAYA: The restaurant in which a rat was filmed nibbling away at fried chicken in a food warming cabinet has had its licence revoked by the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ).

MPAJ president Mohd Fauzi Mohd Yatim said enforcement action, including confiscation, would be carried out if the restaurant in Pandan Indah continued to operate after the revocation of the licence.

"MPAJ will only consider a new licence application if all conditions are met, especially when it comes to cleanliness."

"The licence revocation is in line with the directive by the Health Ministry through the Selangor Health Department, which issued a closure notice on the eatery on Dec 24," he added in a statement yesterday.

Mohd Fauzi said the records showed the restaurant's cleanliness rating was Grade B in June 2021, with the last inspection carried out in January this year.

A 15-second video of a rat eating fried chicken in a food warmer has been circulating on various social media platforms.



Caught in the act: The rat eating fried chicken in the restaurant's food warming cabinet.
— Screengrab taken from social media

The video has garnered over 1.5 million views since it was posted on Dec 23.

On Sunday, the state Health Department ordered the restaurant to close for 14 days and revealed that six compound notices had also been issued to the eatery for food safety and hygiene violations under the Food Hygiene Regulations 2009.

Mohd Fauzi said that as of Nov 30, 1,057

food premises had been inspected and 259 compound notices issued under MPAJ's Food Establishment Licensing By-Laws 2007 and Food Handling By-Laws 2007.

"MPAJ takes this matter seriously and action will be taken against any food outlets that do not prioritise cleanliness," he said.

The public can channel complaints related to Ampang Jaya via <http://aduan.mpa.j.gov.my>.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

New Covid-19 cases drop by 18.7%

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases in the 51st epidemiological week (ME51/2022) from Dec 18 to 24 recorded a drop of 18.7%, at 5,894 cases, compared with 7,249 cases reported in the previous week (ME50/2022).

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said during the period, the number of local cases dropped from 7,232 cases to 5,880.

"The number of imported cases was also lower by 17.6%, from 17 cases to 14," he said in a statement yesterday, adding that in ME51/2022, the number of deaths also showed a drop of 34%, at 31 cases, compared with 47 reported the previous week.

"The average number of active cases per day for ME51/2022 was also lower by 13.7%, from 16,895 cases to 14,580," he said, adding that the average infectivity rate was 0.84.

He said the number of recoveries also showed a drop, with 7,791 cases in ME51/2022 compared with 10,330 the previous week.

On the flood disaster situation, he said in ME51/2022, a total of six positive cases of Covid-19 were detected among flood evacuees.

"All of them were mild cases and they continued to be isolated at home after the temporary evacuation centre closed," he said.

- Bernama

'Rat video' restaurant licence revoked

KUALA LUMPUR: The Ampang Jaya Municipal Council will issue a notice of confirmation of licence cancellation to a restaurant in Pandan Indah where a rat was caught on video eating fried chicken in a food warmer.

Council president Mohd Fauzi Mohd Yatim said the immediate licence cancellation was a follow-up to the Health Ministry notice of closure, which was issued by the Selangor Health Department to the restaurant on Dec 24 after the video was circulated on social media.

"Action to seal the premises will be taken if it is found to be still operating. Any application for a new licence will only be considered if all conditions are fully met, especially those regarding cleanliness," he said yesterday.

Mohd Fauzi said inspection records showed the restaurant was rated "Grade B" for cleanliness in June 2021 and January this year.

He said the council conducts regular inspections of food premises to ensure they conform to all terms and regulations.

As of Nov 30, 1,057 food premises have been inspected and 259 compounds were issued, he said, adding that the public may report any dirty food premises to the council through aduan.mpaj.gov.my.

On Sunday, Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry issued a 14-day shutdown order and six compound notices to the restaurant following the circulation of the video. - Bernama